

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Suami isteri guna sijil vaksinasi palsu

Pasangan penjawat awam, lelaki disyaki orang tengah ditahan

Oleh Amir Mamat
dan Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Melaka: Sepasang suami isteri yang juga penjawat awam di Alor Gajah, ditahan kerana memiliki sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu dalam aplikasi MySejahtera.

Dalam insiden Selasa lalu, polis turut membekas seorang lelaki berumur 58 tahun yang bekerja di jabatan sama dengan pasangan berusia 38 dan 33 tahun itu, kerana disyaki berperanan sebagai orang tengah untuk mendapatkan sijil berkenaan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu, berkata penipuan disyaki dilakukan pasangan yang bekerja di pejabat sama itu dikesan selepas mereka mengemukakan sijil vaksinasi lengkap dua dos kepada ketua jabatan sebagai syarat untuk menerima bonus tahunan.

"Aplikasi MySejahtera yang berstatus vaksinasi lengkap dua dos itu dicurigai palsu, menyebabkan pihak jabatan mengutus surat kepada Klinik Kesihatan Remba untuk membuat semakan mengenai status imunisasi pasangan berkenaan pada 31 Disember lalu.

"Maklum balas daripada klinik berkenaan pada 5 Januari lalu mengesahkan kedua-dua suami is-

teri itu tidak pernah menerima suntikan vaksin, sekali gus membuktikan mereka disyaki menipu pihak jabatan dengan memalsukan dokumen dalam aplikasi MySejahtera mengenai penerimaan vaksinasi lengkap dua dos," katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan itu, Arshad berkata, sepasukan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, menahan pasangan suami isteri dan orang tengah terbabit di sekitar negeri ini, serta merampas telefon bimbit kesemua suspek.

Beliau berkata, semua suspek berkenaan direman selama tiga hari berakhir semalam, bagi membantu siasatan.

"Hasil siasatan awal mendapati suami isteri itu mengaku membeli dan memuat turun sijil palsu vaksinasi melalui orang tengah dengan harga RM500 seorang.

"Berdasarkan soal siasat, orang tengah terbabit disyaki mendapatkan muat turun aplikasi sijil vaksinasi lengkap dua dos dipercayai palsu itu daripada seorang suspek masih bebas dikenali sebagai 'Vnilai'.

"Polis masih memburu suspek keempat (Vnilai) dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara hingga 10 tahun, denda dan sebatan," katanya.

Siasatan dijalankan meliputi pelbagai aspek, termasuk bagaimana aplikasi MySejahtera itu dapat diakses untuk muat turun sijil vaksinasi dipercayai palsu itu.

Sementara itu di Kuala Terengganu, enam lelaki direman selama tiga hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes penjualan sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu.

Perintah reman ke atas semua suspek berusia 35 hingga 57 tahun itu dikeluarkan Majistret Engku Nurul Ain Engku Muda di Mahkamah Majistret di Marang.

Ketua JSJK Terengganu, Superintendan M Zamri Mahmud, berkata reman ke atas semua suspek itu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan.

Katanya, semua suspek ditahan ketika memberi keterangan di IPK Terengganu, malam kelmarin.

"Suspek ditahan susulan laporan polis oleh mangsa yang mendakwa tidak menerima sijil itu walaupun sudah membuat pembayaran," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, suspek utama yang juga seorang doktor swasta berusia 51 tahun yang ditahan pada Sabtu lalu, direman tiga hari hingga Selasa lalu.

Bagaimanapun, reman suspek disambung dua hari lagi hingga semalam, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis sementara menunggu arahan pendakwa.

Media sebelum ini melaporkan, Polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (temu janji) vaksinasi.

Tunggu laporan sebelum naik taraf MySejahtera

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) masih menunggu laporan siasatan penuh dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 palsu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya akan meneliti laporan itu sebelum buat sebarang keputusan seperti usaha menaik taraf ciri keselamatan terhadap aplikasi MySejahtera.

"Kita tunggu siasatan penuh daripada PDRM dahulu (membabitkan kes itu)," katanya kepada BH, semalam.

Pada Sabtu lalu, polis dilaporkan membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu apabila merampas hampir 100 kad peringatan imunisasi (janji temu) serta menahan seorang doktor sebuah klinik swasta di Marang, Terengganu.

Dalam serbuan kira-kira jam 7 malam, doktor lelaki berusia 51 tahun itu ditahan dalam operasi dijalankan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JKJK).

Suspek disyaki melakukan urusan penjualan secara dalaman talian sejak September lalu, dengan setiap sijil dikenakan bayaran antara RM400

hingga RM600.

Sementara itu, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Datuk S Karunanithy, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa kesihatan negeri itu berhubung isu pemalsuan sijil vaksinasi COVID-19.

Beliau berkata, setakat ini lelaki yang ditahan kerana disyaki merasuah sukarelawan bagi mengeluarkan sijil berkenaan kepada individu yang belum menerima vaksin, dikesan bertindak sendiri dalam kes berkenaan.

Kelmarin, Mahkamah Majistret mengeluarkan perintah reman selama tujuh hari terhadap suspek berusia 31 tahun itu bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan lanjut serta mengesan jika ada individu lain terbabit dalam sindiket berkenaan.

Suspek sebelum ini ditahan selepas memberi rasuah kepada seorang lelaki sebanyak RM2,250 bagi mengeluarkan sijil vaksinasi COVID-19 kepada tiga individu yang belum menerima vaksin.

Jurucakap COVID-19 Sabah, Datuk Seri Masidi Manjun, yang menyifatkan kegiatan itu sebagai cubaan mensabotaj usaha memerangi pandemik terbabit, mahupun polis mengambil tindakan tegas dan membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan.



Arshad Abu

Harga borong, runcit 2 vaksin diumumkan Sabtu

Putrajaya: Kerajaan semalam, mengumumkan penguatkuasaan harga borong dan runcit maksimum bagi dua vaksin COVID-19 iaitu jenama CoronaVac keluaran Sinovac dan Covilo keluaran Sinopharm mulai 15 Januari ini.

Harga borong dan runcit maksimum bagi vaksin CoronaVac masing-masing ditetapkan RM62 dari RM77 setiap dos, manakala Covilo masing-masing pada RM49 dan RM61.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi, dalam

kenyataan bersama, menjelaskan penetapan harga itu dibuat dalam usaha mengelakkan vaksin COVID-19 dijual pada harga terlalu tinggi di pasaran.

Menurut kenyataan itu, perintah itu dikuatkuasakan mengikut Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM.

"Harga runcit maksimum yang ditetapkan tidak termasuk caj perkhidmatan dan caj barangan pakai buang yang digunakan ketika suntikan vaksin COVID-19.

"Penentuan harga maksimum

ini secara asasnya dibuat berdasarkan harga pengimportan dan harga pasaran semasa.

"Senarai dan harga vaksin COVID-19 akan dikaji secara berterusan dan akan ditambah baik atau digugurkan berdasarkan penilaian situasi pasaran dan keperluan semasa," menurut kenyataan.

Kenyataan itu menjelaskan setiap fasiliti kesihatan swasta yang mendapat kelulusan kerajaan untuk menawarkan program vaksinasi pemerolehan swasta (private-purchase vaccination) juga diwajibkan memamerkan harga jualan vaksin

COVID-19 untuk rujukan orang ramai dalam meningkatkan ketelusan maklumat harga vaksin.

Katanya, ia bagi membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga dan mendapatkan vaksin pada harga yang berpatutan mengikut pilihan pengguna.

Menurut kenyataan itu manakala individu atau syarikat yang gagal mematuhi peraturan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 iaitu didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau ke-

dua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000 bagi pesalah individu manakala pesalah syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000.

Katanya, kerajaan juga menyediakan medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan isu harga.

Pengguna boleh menyalurkan aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KK-Mhtps://moh.spab.gov.my jika didapati ada individu atau syarikat yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan harga maksimum itu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur

Pemvaksinan Covid-19 ke atas remaja di negara ini boleh dikatakan berjaya namun hal itu dilihat masih belum dapat meredakan kebimbangan sesetengah ibu bapa yang mempersoalkan keputusan kerajaan untuk memulakan pelarian sama terhadap kanak-kanak bawah 12 tahun serta memberikan dos penggalak kepada remaja.

Rata-rata menjadikan laman sosial sebagai medan meluahkan kekehuatan tentang keselamatan anak masing-masing, khususnya yang berusia lima hingga 11 tahun, yang menurut mereka masih terlalu muda untuk menerima vaksin tersebut.

Menurut laporan media, pemvaksinan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun akan menggunakan vaksin *Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection* iaitu sediaan yang lebih rendah kekuatannya berbanding vaksin bagi individu 12 tahun ke atas sementara dos penggalak untuk remaja pula adalah formula baharu *Comirnaty (Tris/Sucrose) 30mcg Solution for Inject*.

Kedua-duanya adalah keluaran syarikat farmaseutikal Pfizer dan sudah menerima kelulusan pendaftaran bersyarat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

Dijangkakan 5.9 juta kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun akan me-

VAKSIN UNTUK KANAK-KANAK BAWAH 12 TAHUN

IBU BAPA GUNDAH, PAKAR YAKIN

nerima vaksin itu pada tahun ini dengan kira-kira 11.8 juta dos disediakan dalam usaha kerajaan memerangi jangkitan virus maut tersebut.

Di sebalik tentangan ibu bapa, pakar perubatan berpendapat keputusan kerajaan itu adalah langkah terbaik bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kelompok tersebut, apatah lagi ketika kerajaan sedang mempersiapkan masyarakat untuk hidup bersama-sama endemik.

Timbalan Pengarah Klinikal dan Pakar Perunding Perubatan Respiratori Hospital Universiti Teknologi Mara Prof Madya Dr Ahmad Izuanuddin Ismail berkata, kebimbangan tentang aspek keselamatan si anak tidak sepatutnya timbul kerana banyak negara sudah melaksanakan program vaksinasi ke atas kanak-kanak mereka.

"Antaranya ialah Amerika Syarikat (AS), Eropah dan jiran kita Singapura yang sekatat ini menunjukkan kejayaan," katanya kepada Bernama.

Berdasarkan laporan media, AS mula memberikan

vaksin Covid-19 keluaran Pfizer kepada kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun pada 4 November lepas dengan Presidennya Joe Biden menyifatkan permulaan pemberian vaksin itu sebagai 'hari yang baik' dalam usaha memerangi pandemik.

Di Eropah pula, Jerman, Sepanyol, Greece dan Hungary antara yang sudah memulakan pemvaksinan kanak-kanak mereka, dan dilaporkan terdapat permintaan yang tinggi daripada ibu bapa agar anak mereka diberikan vaksin Covid-19.

Langkah negara terbabit bukan sahaja untuk mengekang penularan virus maut itu tetapi juga bagi membolehkan anak-anak mereka meneruskan sesi persekolahan secara bersemuka.

Negara tetangga, Singapura pula memulakan pelarian kepada kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun pada 27 Disember lalu, juga menggunakan vaksin keluaran Pfizer yang sudah diluluskan untuk penggunaan peringkat umur berkenaan.

"Ini bermakna kita sudah ada data tentang keselamatan vaksin itu terhadap ka-

nak-kanak berusia bawah 12 tahun.

"Justeru, kenapa perlu bertangguh lagi sedangkan kita tahu dunia diserang dengan varian baharu seperti Omicron. Malah, kita juga diberitahu tentang varian IHU yang dikesan di Perancis, jadi kita tidak boleh melengahkan lagi pemberian vaksin ini untuk melindungi anak-anak kita," katanya.

Dr Ahmad Izuanuddin berkata, walaupun kesan Covid-19 terhadap kanak-kanak tidak seteruk mereka yang berusia dan golongan berisiko, ada kekehuatan jangkitan virus itu

akan memberi kesan berpanjangan kepada paru-paru kanak-kanak termasuk gejala 'long Covid'.

"(Vaksinasi) Ini adalah usaha supaya virus Covid-19 tidak menyerang secara terus kepada paru-paru khususnya bagi kanak-kanak yang mempunyai asma.

"Satu kajian yang dijalankan di Scotland baru-baru ini menunjukkan kanak-kanak penghidap as-

ma yang teruk sehingga memerlukan ubat steroid untuk mengawal asma mereka, atau yang mengalami asma dengan kerap, adalah lebih terdedah kepada jangkitan Covid-19 selain berisiko mengalami komplikasi paru-paru sekiranya dijangkiti. Jadi, kumpulan ini digalakkan menerima vaksin," jelas beliau.

Pensyarah Kanan di Unit Imunologi, Jabatan Patologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Masriana Hassan pula berkata, pemberian vaksin Covid-19 kepada kanak-kanak berusia bawah 12 tahun adalah mengikut dos yang ditetapkan oleh pihak berka-

tan termasuk panel penasihat Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) serta pengeluaran vaksin tersebut.



VAKSIN Untuk Kanak-kanak guna sediaan yang lebih rendah kekuatannya berbanding vaksin bagi individu 12 tahun ke atas.

22,893,234 dewasa lengkap vaksinasi

Kuala Lumpur: Sebanyak 97.8 peratus atau 22,893,234 individu bagi populasi dewasa di negara ini sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman COVIDNOW, sejumlah 99 peratus atau 23,175,181 individu bagi populasi dewasa pula menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, 90.8 peratus atau 2,858,992 individu bagi populasi remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima seku-

rang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19 manakala 88 peratus atau 2,770,412 individu golongan itu lengkap vaksinasi.

Dalam pada itu, 255,384 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin melibatkan 3,170 suntikan dos lengkap, 2,016 dos pertama dan 250,198 pula suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin bagi Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 60,035,273 dos.

Selain itu, jumlah kumulatif dos penggalak kini sebanyak 8,539,533. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

Oleh Mohamed
Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Kerajaan Johor mengekalkan keputusan jarak setengah meter bagi solat Jumaat dan solat fardu lima waktu di masjid serta surau negeri ini walaupun terdapat kawasan terjejas dengan penularan Covid-19 ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor, Tosrin Jarvanthi (*gambar*) berkata, kes penularan Covid-19 yang berlaku di Taman Sri Pulai Perdana di sini yang dikesan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk taman berkenaan, Ahad lalu, tidak menjejaskan ketetapan jarak setengah meter berkenaan.

"Kita akan kekalkan jarak sedia ada iaitu setengah meter, bagi solat Jumaat dan fardu lima waktu di masjid serta surau negeri ini yang sudah diperkenan Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar, minggu lalu.

"Walaupun ada berlaku kes penularan Covid-19 di Masjid Taman Sri Pulai Perdana, ia tidak akan mengubah ketetapan itu.

"Ia berikutan masjid dan surau di kawasan berkenaan sudah diarah tutup sementara bagi mengelakkan penularan wabak berkenaan,"

KLUSTER MASJID TAMAN SRI PULAI PERDANA

Kekal jarak setengah meter

Johor tak ubah ketetapan penjarakan bagi solat



Beliau berkata demikian selepas melancarkan misi bantuan pasca banjir Majlis Agama Islam Negeri Johor (Mainj) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj), Pusat Islam Iskandar di sini, semalam.

Pada 5 Januari lalu, Sultan Ibrahim berkenan supaya pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardu lima waktu di negeri ini dijarakkan hanya setengah meter berbanding satu meter sebelum ini.

Perubahan itu berkuat kuasa bermula 7 Januari lalu hingga satu tarikh yang

akan dimaklumkan kelak.

Dalam pada itu, Tosrin memaklumkan, pihaknya sedang mendapatkan maklumat lanjut daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai 47 kes positif Covid-19 yang dikesan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk di Taman Sri Pulai Perdana.

"Saya difahamkan kes di Taman Sri Pulai Perdana membabitkan jemaah umrah yang baharu pulang.

"Namun saya akan mendapatkan butiran lanjut daripada KKM," katanya.

Selasa lalu media melaporkan 47 kes positif Covid-19 dikesan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk di Taman Sri Pulai Perdana dengan 164 kontak rapat sedang

menunggu keputusan saringan yang dijalankan, Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyantathan dilaporkan berkata, ia sekali gus menyebabkan tercetusnya satu kluster baharu iaitu Kluster Pulai Perdana Tiga.

Katanya, kluster itu dikesan hasil saringan bersasar yang dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru (PKJDB) pada 6 Januari lalu, berikutan terdapat beberapa jemaah masjid yang positif selepas melakukan saringan sendiri.



'Saya sudah buat ujian sendiri'



MURID tahun lima Sekolah Kebangsaan Ampang, Muhammad Haikal Hakimi Mohamad Huzaini menunjukkan keputusan ujian negatif selepas melakukan ujian sendiri Covid-19 di rumahnya seperti yang dimaklumkan Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin sebelum ini. Dr Radzi berkata, berdasarkan perbincangan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), murid yang dipilih perlu mengemukakan hasil ujian saringan berkenaan kepada pihak sekolah.

PECAHAN JANGKITAN MENGIKUT NEGERI 12 JANUARI 2022

Selangor	935
Johor	417
K Lumpur	319
Sabah	280
Pahang	210
Kelantan	197
Kedah	183
P Pinang	179
Perak	141
N Sembilan	106
Melaka	76
Terengganu	76
Putrajaya	34
Sarawak	23
Perlis	13
Labuan	9

Bersedia hadapi ancaman serentak

Geneva: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Rabu memberi amaran dan menggesa masyarakat bersiap sedia menghadapi ancaman serentak wabak Covid-19 dan penyakit pernafasan lain menjelang musim bunga nanti.

Menurut Xinhua, Dr Maria van Kerkhove daripada Program Kecemasan Kesihatan WHO berkata pada sesi taklimat media bahawa keadaan itu berlaku apabila pergaulan antara masyarakat meningkat serta patogen sistem pernafasan lain seperti influenza merebak ketika musim bunga.

Lebih 15 juta kes baharu jangkitan Covid-19 di seluruh dunia dilaporkan pada minggu lalu, bilangan terbanyak kes dilaporkan dalam tempoh seminggu.

"Peningkatan kes didorong oleh varian Omicron

yang pantas menggantikan Delta di hampir semua negara," kata Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus.

Sementara itu, jumlah kematian mingguan kekal stabil sejak Oktober tahun lalu dengan purata 48,000.

Meskipun bilangan pesakit dimasukkan ke hospital meningkat di kebanyakan negara, ia tidak berada pada tahap seperti gelombang sebelum ini.

"Kemungkinan varian Omicron tidak terlalu serius dan imuniti daripada vaksinasi yang semakin meluas atau jangkitan sebelum itu. Mari kita jelaskan Omicron menyebabkan simptom kurang serius berbanding Delta, tetapi kekal sebagai virus berbahaya, terutama bagi mereka yang tidak divaksinasi," kata ketua WHO itu. - Bernama



VIDEO tular orang ramai terutama warga emas yang mendakwa menunggu lama sebelum dibenarkan memasuki PPV Taman Sri Sentosa, Pekan Nanas, Pontian.

JKNJ siasat insiden

Johor Bahru: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menyiasat insiden tular mengenai seorang warga emas yang mendakwa berdiri dan menunggu lama di luar pusat pemberian vaksin (PPV) di Pekan Nanas, Pontian bagi mendapatkan dos penggalak mereka.

Pengarah JKNJ, Datuk Dr Aman Rabu berkata, PPV berkenaan dikendalikan pihak swasta namun perkara itu akan dimaklumkan kepada pengendalinya bagi penambahbaikan.

"JKNJ akan siasat isu yang tular berkenaan dan akan memaklumkan pengendali PPV itu iaitu Protect Health Corporation," katanya dihubung, semalam.

Semalam, tular video di media sosial mengenai orang ramai terutama warga emas yang terpaksa ber-

duri dan menunggu lama sebelum dibenarkan memasuki PPV Taman Sri Sentosa, Pekan Nanas, Pontian.

Dalam dua video berdurasi lapan dan 14 saat itu, ada warga emas dilihat duduk di atas bahu jalan selain menumpung duduk di tembok hadapan rumah penduduk di situ.

Mereka mendakwa tidak dibenarkan memasuki kawasan dewan PPV kerana didakwa datang awal dan PPV berkenaan belum bersedia.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Seri Wee Jock Seng ketika dihubungi berkata, pihaknya sedia maklum mengenai insiden yang tular membabitkan warga emas berdiri lama di PPV Taman Sri Sentosa itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tahniah Keluarga Malaysia atas pencapaian Indeks Pemulihan Covid-19 - Ismail Sabri

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Khamis mengucapkan tahniah serta menzahirkan penghargaan kepada seluruh Keluarga Malaysia, atas keupayaan negara menduduki tangga ke-13 Indeks Pemulihan Covid-19 Nikkei Asia.

Menerusi catatan di laman Facebook pada Khamis, beliau berkata, pencapaian itu adalah hasil kerja keras dan semangat penyatuan setiap ahli Keluarga

Malaysia, semasa bersama-sama menepuhi pandemik Covid-19.

"Alhamdulillah, Malaysia memperoleh 66.5 mata dalam Indeks Pemulihan Covid-19 Nikkei Asia yang tertinggi bagi negara ASEAN dan tangga ke-13 daripada 122 negara atau wilayah."

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan ke-

**MELEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

pada seluruh Keluarga Malaysia termasuk wira-wira kita iaitu #frontliners (petugas barisan hadapan) yang bertungkus lumus melindungi rakyat dan negara daripada ancaman wabak Covid-19 ini," katanya.

Ismail Sabri juga mengajak Keluarga Malaysia untuk sentiasa mengekalkan keutuhan semangat sebagai sebuah keluarga

dan bersama-sama menempuh cabaran dalam tempoh pemulihan negara daripada Covid-19.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan orang ramai untuk tidak alpa dan terus menjaga keselamatan diri, keluarga dan masyarakat sekeliling meskipun telah mencapai indeks yang terbaik.

Berdasarkan Indeks Pemulihan Covid-19 Nikkei setakat 31 Disember 2021, Malaysia berada di tangga ke-13

dengan 66.5 mata manakala Bahrain menduduki tempat teratas dengan 82 mata diikuti Chile (76.5 mata) dan Taiwan (75.5 mata).

Kedudukan lebih tinggi sebuah negara atau wilayah dalam indeks itu menunjukkan ia semakin hampir kepada pemulihan dengan jumlah kes Covid-19 yang rendah, kadar vaksinasi lebih baik dan langkah penjarakan fizikal yang kurang ketat. - Bernama

Kerajaan tetapkan harga vaksin Coronavac, Covilo

Harga runcit maksimum vaksin Coronavac RM77, Covilo RM61

Oleh **TUAN BUQHAIIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Harga runcit maksimum vaksin Covid-19 iaitu CoronaVac keluaran Sinovac ditetapkan pada RM77 manakala RM61 untuk Covilo keluaran Sinopharm.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan bersama berkata, harga borong bagi CoronaVac pula adalah RM62 dan RM49 untuk Covilo.

"Harga borong dan runcit maksimum bagi kedua-dua vaksin tersebut berkuat kuasa Sabtu ini di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011," kata kenyataan itu pada Khamis.

Menurut mereka, harga runcit maksimum yang ditetapkan itu tidak



Harga runcit maksimum vaksin Covid-19 iaitu CoronaVac keluaran Sinovac ditetapkan pada RM77 manakala RM61 untuk Covilo keluaran Sinopharm.

termasuk caj perkhidmatan dan caj barangan pakai buang digunakan ketika suntikan vaksin Covid-19.

"Penentuan harga maksimum ini secara asasnya dibuat berdasarkan harga pengimportan dan harga pasaran semasa," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, pemberian vaksin adalah percuma di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan diborokkan secara sukarela kepada semua penduduk Malaysia untuk perlindungan imuniti.

Selain itu, kata mereka, rakyat juga boleh mendapatkan vaksinasi Covid-19

mengikut pilihan sendiri secara berbayar di hospital dan klinik swasta yang telah diberi kebenaran oleh Kementerian Kesihatan.

"Senarai dan harga vaksin Covid-19 akan dikaji secara berterusan serta ditambah baik atau digugurkan berdasarkan penilaian situasi pasaran dan kepefluan semasa," kata kenyataan itu.

Setiap fasiliti kesihatan swasta yang mendapat kelulusan kerajaan untuk menawarkan *private-purchase vaccination* diwajibkan memaparkan harga jualan vaksin Covid-19 untuk rujukan orang ramai.

"Dengan ini orang ramai boleh membuat perbandingan dan mendapatkan vaksin Covid-19 pada harga yang berpatutan mengikut pilihan pengguna."

"Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap individu, syarikat yang gagal mematuhi peraturan ini. Jika didapati ada individu atau syarikat yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan harga maksimum ini, pengguna boleh salurkan aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KKM <https://moh.spab.gov.my>," kata kenyataan itu.

Tuan Ibrahim tunjuk bukti telah divaksin

SHAH ALAM - Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man tampil menafikan tuduhan mengatakan beliau tidak mengambil vaksin sebelum pergi menunaikan umrah baru-baru ini.

Menerusi hantaran di Facebook pada Khamis,

Ahli Parlimen Kubang Kerian itu turut memberikan bukti tarikh dan tempat vaksinasi termasuk untuk pengambilan dos penggalak yang dilakukan pada 2 November lalu di Pejabat Kesihatan Tititwangsa, Kuala Lumpur.


Beliau yang disuntik dengan vaksin jenis Comirnaty

keluaran Pfizer-BioNTech bagi ketiga-tiga suntikan itu juga memaklumkan bahawa suntikan dos pertama dilakukan pada 24 Mac lalu dan dos kedua pada 14 April lalu di Klinik Kesihatan Presint 18, Putrajaya.

Pada Rabu, media melaporkan seorang pendakwah bebas mendakwa terdapat

individu dalam kerajaan termasuk Tuan Ibrahim telah menunaikan ibadah umrah tanpa mengambil vaksin.

Sebelum itu, pendakwah tersebut yang juga merupakan individu yang membawa jemaah umrah baru-baru ini mengakui bahawa dia tidak mengambil vaksin sebelum pergi ke Arab Saudi.



Tangkap layar hantaran di Facebook Tuan Ibrahim pada Khamis.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Sijil vaksinasi banyak kelemahan

Oleh HAFIZ YUSOFF BAKRI
 hafiz.yusoff@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Sistem verifikasi sijil vaksinasi di negara ini perlu dikawal selia Kementerian Kesihatan dengan dihubungkan secara terus kepada pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta.

Bekas Menteri Kesihatan Dr. Lee Boon Chye berkata, penggunaan sistem itu juga perlu dilaksanakan dengan kerjasama negara luar bagi memudahkan pementasan keluar masuk.

Katanya, penggunaan sistem baharu penting ekoran banyak kelemahan pada sijil vaksinasi sama ada fizikal atau menerusi aplikasi MySejahtera.

"Sepatutnya apabila mana-mana pihak teliti sijil vaksinasi, mereka boleh kesan ia sah atau sebaliknya. Sebab itu perlu ada satu sistem verifikasi. Sebagai contoh, apabila saya terima sijil vaksinasi dan mahu sahkan, Kementerian Kesihatan perlu ada sistem yang boleh menentukan



SALAH seorang penduduk di Kuala Terengganu menerima suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 di Dewan Serbaguna PPR Hiliran, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

ketulenan sijil berkenaan.

"Malah, kalau individu terse-

but mahu mengerjakan umrah

sekalipun, sijil mereka boleh

ditentukan kesahihannya oleh agensi terlibat sama ada Jabatan Imigresen atau syarikat yang menguruskan mereka. Begitu juga jika seseorang mahu ke luar negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan media berkenaan kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu selepas penahanan seorang doktor sebuah klinik swasta dalam satu serbuan di Marang Sabtu lalu.

Setiap sijil berkenaan dipercayai dijual antara RM400 hingga RM600 berbanding harga sebenar suntikan iaitu RM300.

Dalam pada itu, Boon Chye berkata, Kementerian Kesihatan boleh menjadikan contoh sistem yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mampu mengesan kenderaan yang dikenakan kompaun oleh salah satu agensi terbabit.

"Kita ambil contoh seba-

gaimana sistem saman yang boleh dihubungkan antara agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang boleh dikesan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Sistem sebegini yang sepatutnya Kementerian Kesihatan gunakan," ujarnya.

Dalam pada itu pensyarah yang juga pakar dalam bidang Teknologi Maklumat Dr. Shafiza Mohd. Shariff berkata, adalah wajar kerajaan memasukkan segala data dan maklumat berhubung sijil vaksinasi dalam kad pengenalan bagi rakyat di negara ini atau pasport bagi rakyat negara asing.

Jelasnya, langkah tersebut membuatkan sijil pengesahan vaksinasi sangat sukar untuk disalah guna atau dipalsukan.

"Sekarang ini semua gunakan kaedah digital. Jadi mengapa tidak maklumat vaksinasi dimasukkan dalam kad pengenalan? Bukankah ia lebih mudah dan selamat," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEWS / NATION

3,684 CASES YESTERDAY

INFECTIONS TREND UPWARDS

Active caseload just shy of 40,000 but infectivity rate dips to 0.99

TEOH PEI YING
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

DAILY Covid-19 cases rose to 3,684 yesterday, compared with 3,198 on Wednesday and 3,175 on Tuesday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this brought the national tally to 2,798,917.

A total of 3,200 recoveries were recorded on Wednesday, with active cases standing at 39,896.

He said the national infectivity rate, Rt, declined to 0.99 on Wednesday from 1.00 on Tuesday.

The Rt in five jurisdictions was above 1.00: Sabah, Kuala Lumpur

and Putrajaya at 1.08 each, and Melaka and Negri Sembilan at 1.02 each.

This is followed by Selangor at 0.99, Johor and Kedah at 0.98, Penang at 0.97, Pahang at 0.95, Perak at 0.94, Kelantan at 0.92, Sarawak and Perlis at 0.91, and Terengganu at 0.83. Rt is the average number of cases that could result from an infected person.

Meanwhile, 36.5 per cent of adults, or 8,539,533 people, have received their Covid-19 booster dose. This is equivalent to 26.1 per cent of the population, based on data shared on the Health Ministry's CovidNow website.

On Wednesday, 255,384 doses of vaccine were administered across the country, including 250,198 booster doses.



Tengku Nazimah Tengku Anang showing her vaccination card after getting her Covid-19 vaccine booster dose in Kuala Terengganu yesterday. PIC BY GHAZALI KORI

ProtectHealth Corporation chief executive officer Anas Alam Faizli said Wednesday saw the most number of booster doses administered since the programme started in October.

"Check your appointment & if you are eligible and haven't got it, register as wait-list at PPVs listed on @ProtectHealthCo website," he Tweeted.

Currently, 78.6 per cent of the population (25,663,646 people) are fully vaccinated, comprising 22,893,234 adults and 2,770,412 adolescents.

Meanwhile, Covid-19 claimed

15 lives on Wednesday, taking the death toll to 31,738.

Pahang recorded four fatalities yesterday, the highest among all states, followed by Johor, Kelantan and Perak at two deaths each.

Negri Sembilan, Sabah, Selangor, Terengganu and Kuala Lumpur logged a death each.

Two of the Pahang deaths were brought in dead, and one person each in Johor, Kelantan, Sabah and Selangor was pronounced dead upon reaching hospital.

Malaysia reported 213 deaths in the past 14 days, a 23 per cent reduction from the previous fortnight.

The fatality rate is now 0.6 per cent, with seven deaths per one million people.

As of Wednesday, 67.7 per cent of the hospital beds are in use, with three states having a utilisation rate of over 80 per cent, namely Melaka with 86.1 per cent, Kelantan at 81.6 per cent and Johor at 80.4 per cent.

Currently, 215 of intensive care unit beds (54.9 per cent) are utilised, while 34.1 per cent of ventilators are in use. The occupancy of Covid-19 quarantine centres is 31.4 per cent.

SECURITY UPGRADES

'Improving vax cert system after police probe'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry will wait for police to finish its investigation into the sale of fake Covid-19 vaccination certificates before deciding on how to improve the integrity of the system.

"We will wait for the police to conduct a full investigation (on the case) first," Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday. Police on Saturday raided a



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

clinic in Marang, Terengganu, for allegedly selling fake Covid-19 vaccination certificates.

A doctor was arrested and about 100 vaccination appointment cards were seized.

The suspect is believed to have sold fake vaccination certificates since last September for between RM400 and RM600.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEWS / NATION

PEOPLE'S HEALTH AND SAFETY AT STAKE

'THOSE SELLING FAKE VAX CERT TO BE IDENTIFIED'

Kelantan police to gather info on sale of such certificates, says state police chief

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
 KOTA BARU
 news@nst.com.my

KELANTAN police have directed their intelligence units to gather information on activities involving the sale of fake Covid-19 vaccination certificates by medical practitioners in the state.

State police chief Datuk Shafien Mamat said a similar directive was given to all district police chiefs (OCPD) as well as the Criminal Investigations and Commercial Crime Investigations Departments.

He said the directive was in line with the order given by the inspector-general of police on Wednesday.

"I have ordered the state police intelligence divisions as well as OCPDs and officers from the two criminal departments to carry out their surveillance to track down those involved in the activities."

"So far, Kelantan police have yet to receive any report from the public on the menace," he said.

On Wednesday, the country's top cop ordered an investigation



Shoppers showing their MySejahtera digital vaccine certificate to a retail staff member outside a store entrance in Kuala Terengganu on Tuesday. PIC BY GHAZALI KORI

and crackdown on activities involving the sale of fake Covid-19 vaccination certificates by medical practitioners in the country.

Inspector-General of Police Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani had said they viewed such activities very seriously as they concerned the people's health and safety.

He said the Criminal Investigation and Commercial Crime Investigation Departments would carry out surveillance to

track those involved in such activities.

Federal Commercial Criminal Investigation Department deputy director Datuk Mohd Kamarudin Md Din had said there was only one case involving the sale of fake Covid-19 vaccination certificates to date.

It was reported that acting on a tip-off, police raided a private clinic in Marang, Terengganu, on Saturday and detained a 51-year-old doctor apart from confiscat-

ing several items, including more than 100 vaccination appointment cards, several documents, a laptop and a mobile phone.

Initial police investigations revealed that those who wished to get the fake certificate would have to pay between RM400 and RM600, and some 1,900 people, including those residing outside Terengganu, were dealing with the clinic for vaccination purposes since September last year.



Tan Sri Musa Hassan

Conduct checks at healthcare facilities, ex-IGP urges police

KUALA LUMPUR: Police have been urged to monitor and conduct checks at healthcare facilities after a private clinic's attempts to sell fake Covid-19 vaccination certificates were exposed recently.

Former inspector-general of police Tan Sri Musa Hassan said regular spot checks could be conducted at certain locations based on tip-offs and information from the public.

"The police cannot be monitoring all healthcare facilities. So, it is important for members of the public to be their 'eyes and ears'."

"Enforcement authorities require some information (before they can act). However, I feel the issue pertaining to the sale and purchase of vaccine certificates among anti-vaxxers is still under control," he told *Berita Harian* yesterday.

On Saturday, police uncovered attempts by a doctor to sell fake Covid-19 vaccine certificates after seizing close to 100 vaccination appointment cards. The doctor was arrested at a private clinic in Marang, Terengganu.

Musa said police also required the assistance of the Malaysian Communication and Multimedia Commission to tackle online sales of fake vaccine certificates.

"I advise the people to get their vaccines and comply with regulations issued by the authorities."

"Refusing to get vaccinated and purchasing fake vaccine certificates will lead to more trouble and endanger the lives of other people," he said.

Sabah MACC to work with state health authorities

KOTA KINABALU: The Sabah Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) will work with health authorities to investigate any cases of fraudulent vaccination certificates in the state.

Referring to the arrest of a man who allegedly bribed volunteers to issue the certificates for unvaccinated people, its director, Datuk S. Karunanithy, said they would exchange information with the state Health Department.

The man is alleged to have offered RM2,250 for the issuance of

fake Covid-19 vaccination certificates on the MySejahtera app to three non-vaccinated members of the public.

On Wednesday, the magistrate's court here issued a seven-day remand for the 31-year-old jobless man as MACC had requested more time to investigate and trace other possible suspects in the syndicate.

Asked whether there would be more arrests, Karunanithy said there would be no more for now and that the man was likely working alone.

In another event, Sabah Covid-

19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun said the existence of such a syndicate was saddening as it was sabotaging efforts to combat the Covid-19 pandemic.

"Police should take action and bring the offenders to court. As for those who bought the certificates, they should come forward to get the vaccine."

"I understand some have reservations (about the vaccination) following the number of anti-vaccine campaigns."

"But, we need to think that life should continue based on science and technology," he said.



Datuk Seri Masidi Manjun

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'Vaccinate children to protect them from Covid-19'

KUALA LUMPUR: The vaccination programme for children aged five to 11 will start soon after Malaysia's Drug Control Authority grants conditional approval for the administration of the Pfizer Covid-19 vaccine to children in that age group.

Although the vaccine dosage will be much lower than that administered to adolescents and adults, many parents have felt uneasy about the move and have taken to social media to voice their concerns, saying their children are too young to be immunised against Covid-19.

In fact, lawyer and mother of 10 Asiah Abdul Jalil lodged a police report at the Kuantan district police station on Jan 7 to record her objection for a booster dose to be administered to her children aged between 12 and 19, as well as the first dose for the ones aged between five and 11.

However, medical experts believe that vaccinating children in the five to 11 age group is the best way to reduce the risk of infection among children.

No adverse events have been reported in countries that have started giving the vaccine to young kids.

Some 5.9 million children in Malaysia, aged between five and 11, are expected to receive the vaccine following Health Minister Khairy Jamaluddin's announcement on Jan 6.

He said children from the five to 11 age group would receive a dose



Easy does it: A man getting his booster dose at the Dewan Projek Perumahan Rakyat Padang Hiliran PPV in Kuala Terengganu. — Bernama

of 10 micrograms (mcg) Concentration for Dispersion for Injection, compared to the new 30mcg dose of Comirnaty (Tris/Sucrose) formulation that adolescents will get.

Hospital Universiti Teknologi Mara deputy director (clinical) and respiratory medicine expert Assoc Prof Dr Ahmad Izuanuddin Ismail said the issue of children's safety should not arise as many countries had used it.

"The United States, European countries and our neighbour Singapore are among them. So far, it has been successful," he told Bernama.

Dr Ahmad Izuanuddin said that since data was already available on the vaccine's safety in children of that age group, Malaysian parents should not delay their children's vaccination.

"We can no longer delay the administration of this vaccine for our children's protection. New variants such as Omicron are causing a surge in Covid-19 cases worldwide. We've also been told another new variant, JHU, has been detected in France," he added.

He said although the effects of the Covid-19 infection on children were not as severe as that of older people who belong to the high-risk group,

there were concerns over the long-term effects of the disease on children's lungs.

"This (vaccination) is part of efforts to ensure the virus does not directly attack the lungs, especially in children who have asthma.

"A recent study in Scotland showed children who have severe asthma are more prone to Covid-19 infection. In addition, they also risk developing lung complications if infected. This is why children are encouraged to receive the vaccine," he explained.

Universiti Putra Malaysia Faculty of Medicine and Health Sciences senior lecturer Dr Masriana Hassan said the vaccine dosage for children below 12 had been determined by the relevant bodies, including the

97.8% of adults fully vaxxed

KUALA LUMPUR: Some 97.8% of the adult population in the country, or 22,893,234 individuals, have completed their Covid-19 vaccination.

Based on the Health Ministry's CovidNow portal, 99% or 23,175,181 individuals of the adult population have received at least one dose of the vaccine.

As for the adolescent population involving those aged between 12 and 17, 90.8% or 2,858,992 individuals have received at least one dose of the

vaccine while 88% or 2,770,412 individuals from the group have completed the vaccination, Bernama reported.

Meanwhile, 255,384 doses of the vaccine were dispensed on Wednesday, involving 3,170 second dose, 2,016 first dose and 250,198 booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 60,035,273 doses, including 8,539,533 booster doses.

US Food and Drug Administration's panel of advisers and the vaccine manufacturer.

Dr Masriana, who is with the Immunology Unit at the Department of Pathology, said it was normal for children to develop certain symptoms, including fever, after getting the Covid-19 shot as the vaccine would react to the recipient's body.

Allaying concerns over the vaccine's safety, she said the latest data and studies done in other countries have not shown any severe complications in children within that age group.

"For now, it may be difficult to get the best and most comprehensive data because it (vaccine) is still new. However, the existing data can be used as a reference," she added.

Three civil servants caught using fake digital vaccination certs

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

ALOR GAJAH: Three civil servants, including a married couple, have been arrested for trying to deceive their department head with fake Covid-19 digital vaccination certificates.

It is learned that this was done in order to boost their key performance indicator (KPI) scores.

Alor Gajah OCPD Supt Arshad Abu said the couple paid one of their seniors to help them falsify the certification before showing their respective MySejahtera profiles to their superior during their performance evaluations on Dec 30.

"The couple, who work in the same department, were told by the senior that he had successfully used the fake certification to score high marks in his appraisal and offered

to help the husband and wife obtain the same score for a fee of RM500 each.

"The senior claimed he had links to a middleman nicknamed 'VNilai' who purportedly could supply fake digital certificates for RM500 each," he said yesterday.

Supt Arshad said the head of department suspected something amiss and told his clerical assistant to do a due diligence check with the

Rembia health clinic on the vaccination status of the three.

"The reply from the clinic was received on Jan 5. All three were found to have not received any vaccination and provided false information during the KPI evaluation.

"A police report was lodged on Tuesday," he said, adding that the government department where the suspects worked had made it compulsory for its staff to produce a

vaccination certificate to obtain additional KPI marks.

All three were detained on Tuesday for investigation under Section 420 of the Penal Code for cheating.

"The couple, aged 38 and 33, confessed that they were anti-vaxxers and had paid their senior to obtain the fake certificates to cheat their department head," Supt Arshad said.

AKHBAR : THE SUN ON FRIDAY

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Do not delay vaccinating children, say experts

KUALA LUMPUR: The vaccination programme for children aged five to 11 is expected to start soon as the Drug Control Authority has granted conditional approval for the administration of Pfizer Covid-19 vaccine to children in the age group.

Although their vaccine dosage will be much lower than that administered to adolescents and adults, many parents feel uneasy about it and have taken to social media to protest against the move, saying their children are too young to be immunised against Covid-19.

On Jan 7, lawyer and mother of 10

children, Asiah Abdul Jalil, had lodged a police report at the Kuantan district police station to object the move to administer a booster dose to her children aged between 12 and 19, as well as the first dose for the ones aged between five and 11.

However, medical experts agree that vaccinating children in the five to 11 age group is the best way to reduce risk of infection.

They said no adverse events were reported in countries that had already started vaccinating young children.

About 5.9 million children in

Malaysia, aged between five and 11, are expected to receive the vaccine following Health Minister Khairy Jamaluddin's announcement on Jan 6 that the Drug Control Authority has conditionally approved Pfizer's vaccine Comirnaty for the inoculation of children in the age group, and a new formulation of the vaccine for adolescents aged 12 and above.

He said children in the five to 11 age group will receive a dose of 10 micrograms (mcg) concentration for dispersion for injection, compared to the new 30mcg dose of

Comirnaty (Tris/Sucrose) formulation that adolescents will get.

Hospital Universiti Teknologi Mara deputy director (clinical) and respiratory medicine expert Assoc Prof Dr Ahmad Izuanuddin Ismail said the issue of children's safety should not arise as many countries have already started vaccinating young children.

As far as these countries are concerned, the move will not only stem the transmission of the killer virus but also pave the way for their children to return to school.

Universiti Putra Malaysia faculty

of medicine and health sciences senior lecturer Dr Masriana Hassan said the vaccine dosage for children below 12 is set according to specifications determined by relevant bodies, including the US Food and Drug Administration's panel of advisers, as well as the vaccine manufacturer.

Masriana, who is with the immunology unit at the Pathology Department, said it is also normal for children to develop symptoms including fever after receiving the shot as the vaccine is reacting to the recipient's body. - Bernama